

# Kegembiraan Aidilfitri sementara tapi hutang berpanjangan



ZURINA  
SAMSUDIN

**K**ETIKA takbir Aidilfitri mula perlahan menghilang dan rumah terbuka semakin berkurang, kehidupan kembali kepada rutin biasa. Jalan raya kembali sibuk dengan urusan kerja, sekolah kembali dipenuhi pelajar dan perbualan di tempat kerja tidak lagi berkisar tentang juaah raya atau destinasi balik kampung.

Namun bagi ramai keluarga, satu perkara masih belum benar-benar selesai iaitu kedudukan kewangan selepas musim perayaan.

Kemeriahan Aidilfitri sering datang bersama peningkatan perbelanjaan yang ketara. Pakaian baharu, kuih raya, perhiasan rumah, kos perjalanan balik kampung serta penganjuran rumah terbuka memerlukan perbelanjaan besar.

Fenomena ini bukan luar biasa. Setiap tahun, musim perayaan sering dikaitkan dengan peningkatan perbelanjaan isi rumah. Keinginan untuk menggembarakan keluarga, memenuhi tradisi dan meraikan hari kemenangan sering mendorong ramai untuk berbelanja lebih daripada kebiasaan.

Dalam konteks ekonomi Malaysia, kedudukan kewangan isi rumah juga sering menjadi perhatian.

Menurut laporan Bank Negara Malaysia, tahap hutang isi rumah negara masih berada pada paras agak tinggi berbanding beberapa negara serantau. Walaupun sebahagian besar hutang berkait dengan pembelian aset seperti rumah dan kenderaan, namun perbelanjaan konsumtif yang tidak dirancang juga boleh memberi tekanan kepada kewangan keluarga.

Cabaran ini menjadi lebih kompleks dalam era ekonomi digital. Kemudahan pembayaran tanpa tunai, promosi jualan dalam talian serta skim pembayaran ansuran menjadikan aktiviti berbelanja semakin mudah dilakukan.

Konsep 'beli dahulu, bayar kemudian' misalnya semakin



RAMAI mula menilai semula perbelanjaan perayaan dan cabaran kewangan selepas Aidilfitri.

populer dalam kalangan pengguna, terutama golongan muda.

Walaupun kemudahan ini memudahkan transaksi, namun berpotensi mendorong pengguna berbelanja melebihi kemampuan sebenar sekiranya tidak dikawal dengan bijaksana. Dalam banyak keadaan, komitmen pembayaran hanya dirasai selepas perayaan berlalu.

Oleh itu, tempoh selepas Aidilfitri seharusnya dilihat sebagai masa sesuai untuk menilai semula kedudukan kewangan keluarga.

Langkah pertama yang boleh dilakukan ialah membuat semakan terhadap perbelanjaan sepanjang Ramadan dan Syawal. Keluarga dapat mengenal pasti perbelanjaan yang sebenarnya boleh dikurangkan pada masa hadapan.

Langkah seterusnya ialah menyusun semula bajet bulanan secara lebih terancang. Perbelanjaan asas seperti makanan, pendidikan, pengangkutan dan utiliti perlu diberi keutamaan, manakala perbelanjaan yang kurang penting boleh dikawal buat sementara waktu sehingga keadaan kewangan kembali stabil.

Selain itu, usaha membina semula simpanan kecemasan juga perlu diberi perhatian. Pakar kewangan sering menyarankan agar setiap keluarga mempunyai simpanan sekurang-kurangnya tiga hingga

enam bulan perbelanjaan asas sebagai perlindungan sekiranya berlaku situasi tidak dijangka seperti kecemasan kesihatan atau kehilangan sumber pendapatan.

Namun cabaran kewangan isi rumah hari ini tidak hanya berpunca daripada perbelanjaan domestik semata-mata malah perkembangan ekonomi global juga memainkan peranan penting dalam menentukan kos sara hidup rakyat.

Ketika dunia masih berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi dan ketegangan yang berlaku di Asia Barat menimbulkan kebimbangan terhadap kestabilan bekalan tenaga dunia.

Rantau Asia Barat merupakan antara kawasan paling penting dalam rantai bekalan minyak global. Negara seperti Iran memainkan peranan penting sebagai pengeluar tenaga, manakala kawasan strategik seperti Selat Hormuz menjadi laluan utama bagi sebahagian besar perdagangan minyak dunia.

Apabila konflik atau ketegangan berlaku di kawasan tersebut, pasaran tenaga global biasanya bertindak balas dengan cepat melalui kenaikan harga minyak mentah. Kebimbangan terhadap gangguan bekalan menyebabkan pelabur dan pedagang minyak meningkatkan harga sebagai langkah berjaga-jaga.

## KESAN KEPADA MALAYSIA

Kenaikan harga minyak global akhirnya memberi kesan kepada ekonomi banyak negara termasuk Malaysia.

Walaupun kerajaan mengekalkan harga petrol RON95 pada kadar terkawal melalui subsidi, namun perubahan harga minyak mentah dunia tetap memberi kesan tidak langsung kepada kos pengeluaran dan logistik.

Apabila kos tenaga meningkat, menyebabkan kos pengangkutan dan pengeluaran barangan juga berpotensi meningkat. Dalam jangka masa tertentu, keadaan ini boleh membawa tekanan inflasi yang akhirnya dirasai oleh pengguna melalui kenaikan harga barangan dan perkhidmatan.

Situasi ini menunjukkan kesejahteraan kewangan isi rumah sebenarnya tidak hanya bergantung kepada cara seseorang mengurus perbelanjaan tetapi juga dipengaruhi perkembangan ekonomi global yang berada di luar kawalan pengguna.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, kemampuan keluarga mengurus kewangan dengan bijaksana menjadi semakin penting. Perbelanjaan yang mungkin kelihatan kecil hari ini boleh menjadi beban sekiranya kos sara hidup meningkat dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

Justeru, tempoh selepas Aidilfitri bukan sahaja masa untuk memulihkan

kedudukan kewangan tetapi juga membina daya tahan kewangan menghadapi ketidaktentuan ekonomi.

Pada masa sama, literasi kewangan dalam kalangan masyarakat perlu terus diperkukuh. Program pendidikan kewangan yang dijalankan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) memainkan peranan penting dalam membantu individu memahami cara mengurus hutang atau perbelanjaan dengan lebih berkesan.

Dalam konteks keluarga pula, ibu bapa boleh menggunakan pengalaman perbelanjaan raya sebagai peluang mendidik anak-anak tentang nilai wang, kepentingan menabung dan perbezaan antara keperluan atau kehendak.

Lebih penting lagi, masyarakat perlu memahami kemeriahan Aidilfitri tidak semestinya diukur melalui kemewahan. Nilai sebenar perayaan terletak pada hubungan kekeluargaan, silaturahmi dan rasa syukur atas nikmat yang dikurniakan.

Apabila masyarakat memberi keutamaan kepada nilai ini, tekanan untuk berbelanja secara berlebihan akan berkurang. Perayaan boleh diraikan secara sederhana tanpa menjejaskan kestabilan kewangan keluarga.

Dalam dunia yang semakin mencabar, ketahanan ekonomi negara sebenarnya bermula daripada ketahanan kewangan isi rumah. Keluarga yang mampu mengurus kewangan secara berhemah, mengelakkan hutang tidak perlu dan menghargai setiap rezeki akan membentuk masyarakat yang lebih stabil dan sejahtera.

Kemeriahan Aidilfitri memang wajar diraikan tetapi kebijaksanaan mengurus kewangan selepasnya adalah ukuran sebenar kematangan ekonomi sesebuah keluarga.

Kerana akhirnya, kegembiraan perayaan hanya berlangsung beberapa hari tetapi kesan keputusan kewangan boleh dirasai jauh lebih lama daripada itu.

DR. Zurina Samsudin ialah Pensyarah Kanan, Johor Business School Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).